

03/08/2001

Tanggungjawab penting menanti Puteri Umno

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

WALAUPUN dikritik berikutan mencetuskan pelbagai kontroversi, Puteri Umno hari ini dengan rasminya dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Pelancaran berkenaan bukan saja memberi makna kepada Puteri Umno, tetapi juga menjadi agenda yang ditunggu pemerhati politik.

Ini kerana Ketua Jawatankuasa Penajanya, Azalina Othman, dijangka mengumumkan jumlah keahlian barisan pelapis yang belum sampai umur setahun penubuhannya.

Pengumuman itu dinanti-nantikan selepas Azalina yang dilihat sebagai seorang yang bercita-cita tinggi, dilaporkan sebagai berkata, Puteri menetapkan jumlah sasaran keahliannya seramai 1.5 juta wanita Melayu.

Bagaimanapun, ia jauh tersasar daripada apa yang diumumkan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Wanita Umno, Jun lalu.

Menurut Rafidah, selepas mendapat maklum balas pemimpin Wanita yang membantu Puteri Umno pada peringkat akar umbi, Puteri Umno mempunyai jumlah keahlian 20,000 orang.

Pengumuman Rafidah terus disangkal Ketua Penerangan Puteri Umno, Mistina Abdul Hamid, yang mengatakan jumlah itu tidak tepat kerana jumlah sebenar keahlian Puteri adalah lebih besar.

Namun, Rafidah yang menganggap Wanita Umno sebagai ibu dan Puteri sebagai anak, memberi nasihatnya secara terbuka: "Saya minta Puteri janganlah ghairah dengan bilangan ahlinya. Cuba realistik sikit. Kalau buat satu acara, beribu orang nampak hadir, tetapi jika separuh daripadanya adalah ahli Wanita Umno, apa maknanya? Banyak majlis yang dibuat sebelum ini, Wanita Umno diarah keluar untuk menjalankannya kerana pada masa itu, Puteri belum ramai lagi ahli. Sekarang, 20,000 itu sudah ramai dan cukup baik. Saya nak ucapkan tahniah."

Topik mengenai jumlah keahlian Puteri Umno bukan satu-satunya isu yang mencetuskan kontroversi. Sejak Perhimpunan Agung Khas Umno pada 18 November 2000 yang meluluskan 49 daripada 50 pindaan Perlembagaan parti, termasuk penubuhan Puteri Umno, mendapat pelagai reaksi sehingga menimbulkan tanggapan yang membabitkan kononnya Pergerakan Wanita Umno mencemburui entiti berkenaan.

Ini timbul apabila Azalina mengemukakan kertas cadangannya supaya Puteri Umno diwujudkan dalam bentuk entiti tersendiri dengan mempunyai kuasa autonomi seperti Pergerakan Pemuda, yang sekali gus meletakkan sesiapa yang menjadi ketua mempunyai kedudukan setaraf dengan Naib Presiden parti.

Dalam kertas cadangannya, Azalina turut menyelar Wanita Umno sebagai parti "makcik-makcik", dan menjelaskan perlunya kedudukan Puteri sebagai entiti tersendiri supaya ia dapat menarik minat wanita muda ke dalam Umno, terutama mereka yang berasa terpinggir dan tidak dapat mengaitkan diri dalam perjuangan Umno yang dianggap tidak dapat memberi perhatian kepada kepentingan mereka.

Pastinya, kelantangan Azalina itu tidak disenangi pergerakan yang sekian lama menaburkan jasa dan sumbangan mereka kepada parti kerana biarpun dianggap "makcik-makcik", mereka inilah juga yang akhirnya akan turun padang, terutama dalam menyiapkan jentera pilihan raya umum akan datang.

Sesungguhnya, Puteri Umno mungkin telah memulakan arenanya, dengan 'asas yang salah', namun ini tidak bermakna sayap baru Umno itu tidak mampu untuk meneruskan perjuangan parti kerana yang pasti, tenaga muda memang diperlukan bagi kekuatan jentera Umno menjadi bertambah utuh.

Bagi Azalina, beliau menganggap Puteri Umno kini kian matang dalam arena politik walaupun menghadapi pelbagai dugaan pada permulaannya.

"Biarapun ramai ahlinya terdiri daripada kalangan wanita muda dan tidak mempunyai pengalaman dalam bidang politik, selepas beberapa bulan penubuhan Puteri, mereka sudah belajar dan faham dengan apa sepatutnya mereka lakukan, terutama bagi yang bertanggungjawab memegang jawatan penting," katanya.

Pada masa sama, Azalina merasakan Puteri kini sudah berkembang maju dan mampu menangani segala masalah yang timbul.

"Kita kena ambil satu perkara pada satu-satu masa. Memang menjadi lumrah bagi mana-mana pergerakan baru yang ditubuhkan, akan menghadapi masalah, tetapi apa yang lebih penting adalah cara kita menanganinya," katanya.

Memang benar, Puteri Umno tidak pernah lekang dari satu masalah ke satu masalah lain. Tidak cukup dengan permulaan yang `panas', Puteri sering menjadi tumpuan seperti ketika Azalina melantik penyanyi popular, Erra Fazira, sebagai Exco Pusat Jawatankuasa Penaja Puteri Umno, yang kemudian meletak jawatan selepas kurang dua bulan.

Malah, ketika Perhimpunan Agung Umno ke-55, Jun lalu, nama Puteri Umno bukan saja menjadi sebutan, tetapi juga menjadi fokus perbahasan bagi Perhimpunan Wanita.

Ketika Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menyampaikan ucapan perasmianya pada perhimpunan itu, beliau mengatakan Puteri adalah saluran yang membolehkan Pergerakan Wanita disuntik dengan tenaga baru.

Amanat Pak Lah itu, walaupun diterima dengan sedikit kecil hati, Wanita akhirnya akur dengan kebenaran realiti berkenaan.

Namun, salah seorang tokoh Wanita cuma meminta kepemimpinan tertinggi parti supaya tidak menjadikan Pergerakan Wanita sebagai `isteri pertama' dan Puteri sebagai `isteri muda', kerana ia boleh menimbulkan suasana yang lebih tidak enak sesama sendiri.

Biarpun barisan pelapis Wanita ini dilihat sebagai barisan yang penuh dengan tenaga dan idea baru, adalah lebih ideal sekiranya mereka dapat menggarap pengalaman dan nasihat daripada golongan veteran yang sudah lama masak dengan asam garam dunia politik.

Sempena perasmianya hari ini, Puteri Umno perlu membuktikan mereka dapat memainkan tanggungjawab penting dalam menyumbang kepada perjuangan politik Umno, terutama bagi menghadapi pilihan raya umum 2004.

(END)